

17/10/2003

Russia mahu wujudkan kerjasama dengan OIC

PUTRAJAYA: Russia yang buat kali pertama menyertai Sidang Kemuncak OIC dengan kehadiran Presiden Vladimir Putin sebagai tetamu, mahu supaya diwujudkan kerjasama antara Moscow dengan OIC yang mewakili 57 negara.

Putin yang diberi peluang berucap, juga satu sejarah dan pada masa yang sama mengejutkan kerana tiada dalam jadual, berkata kerjasama Russia dengan OIC mungkin menjadi elemen terpenting bagi dunia yang lebih adil dan selamat.

"Russia sentiasa memainkan peranan khas dalam membina hubungan antara Timur dan Barat," katanya pada perasmian sidang itu di Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) semalam.

Beliau yang berucap dalam bahasa Russia, menerima tiga kali tepukan daripada sebahagian pemimpin lain yang hadir.

Putin yang baru tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang pagi semalam, turut menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad petang semalam.

Dalam ucapan kira-kira 15 minit itu, Putin berkata, kombinasi sumber kewangan, teknologi dan tenaga manusia Russia dan negara anggota OIC mungkin boleh menjadi faktor sebenar politik dunia dan menembusi banyak arah dalam ekonomi sejagat.

Beliau percaya interaksi antara Russia dan OIC mungkin boleh menyediakan asas ke arah penyelesaian konflik kepada banyak masalah serantau dan antarabangsa.

Putin juga berterima kasih kepada Dr Mahathir yang juga pengerusi sidang kemuncak itu, kerana menjemput beliau menghadiri majlis perasmian perhimpunan terbesar pemimpin Islam itu.

Selain Putin, Dr Mahathir turut menjemput Presiden Filipina Gloria Macapagal Arroyo dan Sri Lanka yang diwakili Menteri Pembangunan Pelabuhan dan Perkapalan, Pembangunan Timur dan Hal Ehwal Islam, Rauf Hakeem.

Putin juga berkata, jumlah umat Islam di Russia sekarang adalah kira-kira 20 juta dan kini memiliki 7,000 masjid berbanding cuma 870 masjid pada 1991.

Dr Mahathir ketika lawatannya ke Russia tahun lalu, berpeluang menunaikan sembahyang Jumaat di masjid terbesar Moscow dan mengadakan pertemuan dengan pemimpin Islam di sana.

Menurut laporan dari Moscow baru-baru ini, Putin dipetik sebagai berkata, bahawa kehadirannya pada Sidang Kemuncak OIC bukan untuk meminta diberi peranan khas `tetapi dijemput sebagai tetamu dan kami berharap untuk mendapat status pemerhati kemudian dan dengan jumlah 20 juta penduduk Islam, kita berhak untuk merasai sebagai sebahagian dunia Islam.'

Sementara itu, sumber diplomatik berkata, Putin yang tidak dijadualkan berucap, meminta kebenaran daripada Dr Mahathir dan sebagai tuan rumah, Perdana Menteri memberi peluang kepadanya untuk berucap.

Difahamkan, pemimpin Russia yang selama ini lantang mengkritik tindakan Amerika Syarikat menyerang Iraq, meminta diberi peluang berucap sejurus mengesahkan kehadirannya sebagai tetamu sidang itu, baru-baru ini.